



GARIS PANDUAN

KENAIKAN PANGKAT

PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI

EDISI CALON



Kementerian Pengajian Tinggi

1.0	TUJUAN	Muka surat 1
2.0	LATAR BELAKANG	Muka surat 1
3.0	WAJARAN PEMARKAHAN	Muka surat 2
4.0	KRITERIA KECEMERLANGAN	Muka surat 2-9
	4.1 Kriteria Kesepakatan	
	4.1.1 Teras Utama	
	4.1.2 Kepimpinan	
	4.1.3 Sumbangan	
	4.1.4 Pembangunan Diri	
	4.2 Penilaian Pelajar dan Penilaian <i>Referees</i>	
	4.3 Penilaian Panel Kesepakatan	
5.0	SYARAT KENAIKAN PANGKAT	Muka surat 10-14
	5.1 Proses Dan Prosedur Permohonan Kenaikan Pangkat	
	5.2 Kenaikan Pangkat Bagi Pegawai-Pegawai Kumpulan Sokongan (DH29 Hingga DH34)	
	5.2.1 Menyambung Pengajian ke Peringkat Ijazah	
	5.2.2 Tidak Menyambung Pengajian	
	5.3 Kenaikan Pangkat Bagi Pegawai Kumpulan Pengurusan Dan Profesional Yang Mengikuti Program Pasca Siswazah	
	5.5 Kenaikan Pangkat Bagi Pegawai Yang Sedang Berkhidmat Di Jawatan Terbuka	
6.0	PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN KENAIKAN PANGKAT	Muka surat 14
7.0	PENUTUP	Muka surat 14
	SENARAI RUJUKAN	Muka surat 15
	SENARAI LAMPIRAN :	
	Lampiran 1 - Unsur Penilaian Kategori I,II,III dan IV	Muka surat 16-28
	Lampiran 2 - Senarai Perjawatan Dalam Skim PPPT	Muka surat 29-32
	Lampiran 3 - Istilah ,Glosari, Dan Terminologi	Muka surat 33-47
	Lampiran 4 - Sumbangan dan Pembangunan Diri (Borang SPD)	Muka surat 48-55
	Lampiran 5 – Garis Panduan Pelaksanaan <i>Coaching</i> Dan <i>Mentoring</i>	Muka surat 56-62

"GARIS PANDUAN KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI – EDISI CALON"

adalah hasil usaha dan komitmen yang tidak ternilai daripada para pegawai di pelbagai Bahagian di peringkat Kementerian, Politeknik dan Kolej Komuniti.

JAWATANKUASA PENYEDIAAN

PENAUNG : Dato' Hj. Imran Bin Hj. Idris
Ketua Pengarah,
Jabatan Pengajian Politeknik,
Kementerian Pengajian Tinggi

PENGERUSI : Tn. Hj. Kamaruddin Bin Hamzah,
Pengarah,
Bahagian Latihan dan Pembangunan Kerjaya,
Jabatan Pengajian Politeknik,
Kementerian Pengajian Tinggi

SETIAUSAHA : Pn. Zainab Binti Ahmad

URUSETIA : Pn. Jamaliah Binti Ahmad
Pn. Normasita Binti Sulaiman
Pn. Junainah Binti Paiman dan
Staf Bahagian Latihan dan Pembangunan
Kerjaya, Jabatan Pengajian Politeknik

JAWATANKUASA PENERBITAN :

Pn. Zarinah Binti Awang
Pn. Rahaidah Binti Abd Rahim
En. Setiawan Bin Hardono
En. Mohd Sahran @ Awang Bin Mohidin
Cik Suriah Binti Mohamad
Pn. Noor Azlina Binti Ahmad
En. Syahman Bin Samsudin @ Murad

SEKALUNG PENGHARGAAN

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia :

YM Cik Ku Maharum Binti Ku Yaacob
En. Md Sani Bin Latip
Pn. Norshahidawati Binti Abdullah
En. Muhamad Fikrie Bin Ahmad

Jabatan Pengajian Politeknik :

Tn. Hj. Mohd Ghaus Bin Ab. Kadir
Tn. Hj. Azizi Bin Lin
Tn. Hj. Zulkifli Bin Salleh
Dr Abdul Rahim Bin Ahmad
Dr Hj. Mohammad Naim Bin Yaakob
Pn. Siti Jariah Binti Ibrahim
En. Megat Nabil Mohsin Bin Megat Mohd Nor
Pn. Halimah Binti Che Hassan
En. Azirin Bin Abdul Aziz

Jabatan Pengajian Kolej Komuniti :

En. Sulong Bin Yahaya
En. Tajuddin Bin Abdul Rashid

Jabatan Pengajian Tinggi :

Dr. Naimah Binti Md. Khalil
En. Abdul Karim Bin Jaafar
Dr. Zubaidah Binti Aman
En. Wan Mahtar Bin Wan Salleh
Tn. Hj. Abdul Rahim Bin Ahmad
En. Ismail Bin Mohamad

Politeknik dan Kolej Komuniti:

Pn. Asmara Binti Sulong
En. Abu Bakar Bin Ahmad
Tn. Hj. Noor Azahan Bin Othman
En. Shabudin Bin Man
Dr Arshad Bin Kassim
Tn. Hj. Abdul Rahman Bin Khalid
Tn. Hj. Mohd Sa'at Bin Abdul
Tn. Hj. Zainal Abidin Bin Abd.Latif
Tn. Hj. Che' Nordin Bin Che' Wan
Tn. Hj. Rosli Bin Hamid
En. Abdul Hanif Bin Mustapha
Pn. Hanizah Binti Anaitullah

Disember 2009

Buku garis panduan ini menjelaskan syarat-syarat kenaikan pangkat, set kriteria kecemerlangan, prosedur dan proses permohonan yang melibatkan kemajuan kerjaya seseorang penjawat awam dalam Skim Perkhidmatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (Skim Perkhidmatan PPPT).

Kerajaan telah melaksanakan Skim Perkhidmatan PPPT melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 33 Tahun 2007 :“Skim Perkhidmatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi” dengan menawarkan opsyen kepada semua Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah yang berkhidmat di Jabatan Pengajian Tinggi, Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti, politeknik dan kolej komuniti. Dengan berkuat kuasanya skim ini pada 1 Januari 2008, pegawai-pegawai yang menerima opsyen Skim Perkhidmatan PPPT telah diklasifikasikan sebagai Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) dengan gred gaji DH 29, DH 31/32, DH 33/34, DH 41/42, DH 43/44, DH 47/48, DH 51/52, DH 53/54 dan Gred-gred utama (VU).

Di antara perbekalan yang terdapat dalam Skim Perkhidmatan PPPT ialah peluang kenaikan pangkat bagi pegawai-pegawai Kumpulan Sokongan daripada gred DH 29 ke DH 32, DH 32 ke DH 34 dan semua kenaikan pangkat dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional sehingga kepada Gred DH 54 adalah **tanpa kekosongan jawatan**.

Walau bagaimanapun, pegawai-pegawai berkenaan perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan; termasuk beberapa **kriteria kecemerlangan** yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan seperti yang dinyatakan dalam para 5 (f) dan 5 (g) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 33 Tahun 2007.

Pekeliling tersebut telah secara jelas mengkategorikan pegawai-pegawai kepada empat (4) kategori utama mengikut skop, fungsi dan bidang tugas seperti berikut :

(a) Kategori I

PPPT Gred DH29, DH31/32, DH33/34, DH41/42, DH43/44, DH47/48, DH51/52, DH53/54 di politeknik dan kolej komuniti yang menjalankan tugas sebagai tenaga pengajar,

(b) Kategori II

PPPT Gred DH43/44, DH47/48, DH51/52, DH53/54 di politeknik dan kolej komuniti yang menjalankan tugas sebagai tenaga pengajar di samping tugas-tugas pengurusan,

(c) Kategori III

PPPT Gred DH41/42 dan DH43/44 di politeknik dan kolej komuniti yang melaksanakan tugas-tugas pengurusan,

(d) Kategori IV

PPPT Gred DH41/42, DH43/44, DH47/48, DH51/52, DH53/54 di KPT yang melaksanakan tugas-tugas pengurusan.

Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran melalui mesyuaratnya Bilangan 9 Tahun 2009 pada 19 Oktober 2009 telah meluluskan kriteria kecemerlangan bagi urusan kenaikan pangkat Skim Perkhidmatan PPPT.

Justeru buku panduan ini bertujuan menerangkan secara terperinci perkara-perkara asas dalam persiapan calon sebelum mengemukakan permohonan kenaikan pangkat masing-masing.

WAJARAN PEMARKAHAN

Wajaran pemarkahan untuk urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat ditetapkan pada 40 peratus (40%) penilaian Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) bagi tiga (3) tahun terakhir dan 60 peratus (60%) penilaian kriteria kecemerlangan Skim Perkhidmatan PPPT seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Wajaran Pemarkahan Untuk Urusan Pemangkuan Dan Kenaikan Pangkat

KRITERIA KECEMERLANGAN

Kriteria kecemerlangan merupakan indikator bagi prestasi yang perlu dicapai oleh seseorang PPPT untuk layak dipertimbangkan bagi urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat Skim Perkhidmatan PPPT. Kerangka kriteria kecemerlangan yang digubal ini mengambil kira penghuraian kerja PPPT seperti dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 33 Tahun 2007. Sehubungan itu, kriteria kecemerlangan adalah terpakai untuk semua kategori PPPT (kategori I, II, III dan IV) dan merangkumi semua gred jawatan iaitu daripada gred DH 29 sehingga ke Gred DH 54.

Pertimbangan yang teliti telah dilakukan ketika menetapkan kriteria kecemerlangan kerana pegawai pada kategori yang berlainan; melakukan tugas dan tanggungjawab yang berbeza; mempunyai peluang yang sama untuk memohon apabila urusan kenaikan pangkat dibuka.

Komposisi penilaian kriteria kecemerlangan dibahagi kepada (i) Panel Kesepakatan, (ii) Penilaian Pelajar, dan (iii) Penilaian Referees. Panel Kesepakatan mengambil kira kompetensi pegawai dalam empat (4) aspek kepakarannya iaitu:

- (a) Teras Utama,
- (b) Kepimpinan,
- (c) Pembangunan Diri, dan
- (d) Sumbangan.

Sebanyak 5 peratus daripada jumlah markah penilaian diperuntukkan sebagai Penilaian Pelajar ke atas calon dari Kategori I dan II dalam aspek pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, calon daripada semua kategori dikehendaki menamakan dua (2) orang pegawai sebagai *refereesnya*. *Referees* hendaklah terdiri daripada pegawai yang pernah atau sedang berkhidmat bersama calon dan berada sekurang-kurangnya satu gred lebih tinggi. Rajah 2 memaparkan kriteria penilaian berserta agihan markah penilaian bagi keempat-empat

KRITERIA PENILAIAN		MARKAH PENILAIAN (%)			
		KATEGORI			
		I	II	III	IV
1.	PANEL KESEPAKARAN a) Teras Utama b) Kepimpinan c) Pembangunan Diri d) Sumbangan	80	80	85	85
2.	PENILAIAN PELAJAR	5	5	-	-
3.	PENILAIAN <i>REFEREES</i>	15	15	15	15
JUMLAH		100			

Rajah 2: Struktur Penilaian Bagi Kriteria Kecemerlangan

4.1 Kriteria Kesepakaran

Kriteria kesepakaran dibentuk setelah mengenal pasti empat (4) aspek terpenting kompetensi pegawai PPPT, iaitu: (i) Teras Utama, (ii) Kepimpinan, (iii) Sumbangan, dan (iv) Pembangunan Diri. Pemberatan di antara keempat-empat aspek tersebut adalah tidak sama. Aspek Kepimpinan mempunyai hubungan timbal balik dengan aspek Teras Utama. Pemberatan aspek Kepimpinan akan meningkat pada gred yang lebih tinggi manakala pemberatan aspek Teras Utama akan menurun pada gred yang lebih tinggi. Ini ialah kerana pengurangan tugas Teras Utama diimbangi dengan pertambahan tugas Kepimpinan pada gred yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, aspek Pembangunan Diri dan Sumbangan diberi penekanan yang sama sepanjang kerjaya pegawai.



Rajah 3 : Konsep Pemberatan Kriteria Kesepakaran

4.1.1 Teras Utama

Aspek Teras Utama mencakup pelbagai fungsi dan bidang tugas yang tidak hanya tertumpu kepada pengajaran dan pembelajaran sahaja tetapi juga merangkumi tugas-tugas lain seperti berikut:

- (a) pengurusan pelajar,
- (b) pengurusan organisasi,
- (c) pengurusan dasar,
- (d) penyelidikan, pengkomersilan dan khidmat nasihat,
- (e) jaringan dan kolaborasi, dan
- (f) pengurusan sumber manusia.

Sila rujuk para 3. Ringkasan Tugas, Lampiran C Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 33 Tahun 2007.

4.1.2 Kepimpinan

Aspek Kepimpinan mengandungi elemen kepimpinan *institutional* dan *instructional* termasuk aktiviti-aktiviti berkaitan pengurusan dan bimbingan rakan sekerja seperti coaching dan *mentoring*. Kriteria Kepimpinan bertujuan untuk mengesan pegawai-pegawai yang mempunyai bakat kepimpinan yang menyerlah dan terasuh serta berkebolehan menjawat jawatan yang lebih tinggi, melaksana tugas yang berat, dan memikul tanggungjawab yang lebih besar dan mencabar.

4.1.3 Sumbangan

Aspek Sumbangan membawa maksud inisiatif pegawai dalam menabur bakti dari segi pengetahuan, kemahiran dan kepakaran kepada organisasi yang dianggotainya, masyarakat setempat, pihak industri atau agensi luar; di peringkat kementerian mahupun negara. Indikator Sumbangan yang signifikan dikesan melalui pengiktirafan dan penganugerahan daripada pihak-pihak tersebut.

4.1.4 Pembangunan Diri

Aspek Pembangunan Diri merangkumi aktiviti-aktiviti perkembangan kerjaya dan peningkatan profesionalisme berterusan seperti mengikuti program latihan, penglibatan dalam aktiviti berasaskan keperluan tugas dan kelayakan ikhtisas tambahan yang berkaitan. Tujuan kriteria Pembangunan Diri ialah untuk membentuk tenaga kerja profesional yang responsif kepada perubahan di samping menangani jurang kompetensi dan kekurangan kemahiran sedia ada tenaga pengajar berbanding amalan di industri.

4.2 Penilaian Pelajar dan Penilaian *Referees*

Maklum balas pelajar tentang keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran bagi pegawai kategori I dan II diambil kira sebagai komponen Penilaian Pelajar. Kriteria penilaian ini mencerminkan proses pengajaran dan pembelajaran sebenar yang berlangsung setiap hari.

Penilaian *Referees* adalah satu komponen baharu dalam kriteria kecemerlangan. Ia bertujuan memberi peluang kepada pemohon untuk mendapatkan sokongan individu-individu yang mengenali diri dan kebolehannya.

4.3 Penilaian Panel Kesepakatan

Jadual 1 hingga 4 membentangkan Penilaian Kesepakatan bagi setiap kategori. Pemohon dinasihat agar merujuk kepada Lampiran 1 bagi mendapatkan senarai kriteria kecemerlangan yang lengkap dan bertepatan dengan gred dan kategori masing-masing.

PANEL KESEPAKARAN KATEGORI I	
(a) Teras Utama	<ul style="list-style-type: none"> i. Pengajaran dan pembelajaran ii. Pembangunan dan penyelidikan iii. Penerbitan dan penulisan
(b) Kepimpinan	<ul style="list-style-type: none"> i. Kepimpinan dan pembangunan pengajaran serta perkembangan profesionalisme ii. Pelaksanaan dan penyelarasan aktiviti akademik mengikut sesi pengajian dan penjadualan iii. Tugas <i>coaching</i> dan <i>mentoring</i> iv. Keperibadian
(c) Pembangunan Diri	<ul style="list-style-type: none"> i. Kriteria Wajib <ul style="list-style-type: none"> -Kursus Instruksional dan Kepimpinan Andragogi (KIPA) untuk PPPT gred lantikan DH29/31/33/41/43/47/51/53 -Program Peningkatan Kemahiran (PPK) -<i>Career Path Competency Matrix (CPCM)</i> ii. Kriteria Elektif <ul style="list-style-type: none"> -Keanggotaan badan profesional -Sangkutan Industri Pensyarah (SIP) -Kelayakan tambahan (Sijil Profesional/ Sijil Kemahiran dll) -Sarjana/ Doktor Falsafah
(d) Sumbangan	<ul style="list-style-type: none"> i. Sumbangan / perkhidmatan kepada institusi/ Jabatan/ Kementerian (berlainan daripada LNPT dan skop Teras Utama) ii. Sumbangan / perkhidmatan kepada komuniti setempat /agensi luar / negara (berlainan dari pada LNPT dan skop Teras Utama)

Jadual 1: Aspek Penilaian Panel Kesepakatan Kategori I

PANEL KESEPAKARAN KATEGORI II

(a) Teras Utama	<ul style="list-style-type: none"> i. Pengurusan pengajaran dan pembelajaran ii. Pengurusan organisasi, jaringan dan kolaborasi iii. Penyelidikan/ Kajian dan penulisan
(b) Kepimpinan	<ul style="list-style-type: none"> i. Kepimpinan dan pengurusan Politeknik/ Kolej Komuniti ii. Pemantauan pencapaian pelajar/ tenaga pengajar/ staf sokongan iii. Tugas coaching dan mentoring iv. Keperibadian.
(c) Pembangunan Diri	<p>i. Kriteria Wajib</p> <ul style="list-style-type: none"> -Kursus Instruksional dan Kepimpinan Andragogi (KIPA) untuk PPPT gred lantikan DH 41/43/47/51/53 -Program Peningkatan Kemahiran (PPK) -Career Path <i>Competency Matrix (CPCM)</i> <p>ii. Kriteria Elektif</p> <ul style="list-style-type: none"> -Keanggotaan badan profesional -Sangkutan Industri Pensyarah (SIP) -Kelayakan tambahan (Sijil Profesional/ Sijil kemahiran dll) -Sarjana/ Doktor Falsafah
(d) Sumbangan	<ul style="list-style-type: none"> i. Sumbangan / perkhidmatan kepada institusi/ Jabatan/ Kementerian (berlainan daripada LNPT dan skop teras utama) ii. Sumbangan / perkhidmatan kepada komuniti setempat /agensi luar / negara (berlainan daripada LNPT dan skop teras utama)

Jadual 2: Aspek Penilaian Panel Kesepakatan Kategori II

PANEL KESEPAKARAN KATEGORI III

(a) Teras Utama	<ul style="list-style-type: none"> i. Pengurusan pengajaran dan pembelajaran ii. Pengurusan organisasi, jaringan dan kolaborasi iii. Penyelidikan/ Kajian dan penulisan
(b) Kepimpinan	<ul style="list-style-type: none"> i. Pengurusan Jabatan Akademik/ Sokongan/ Unit di Politeknik/ Kolej Komuniti ii. Penglibatan dalam jawatan kuasa kecil/ aktiviti di peringkat Politeknik/ Kolej Komuniti iii. Tugas <i>coaching</i> dan <i>mentoring</i> iv. Keperibadian
(c) Pembangunan Diri	<p>i. Kriteria Wajib</p> <ul style="list-style-type: none"> -Kursus Instruksional dan Kepimpinan Andragogi (KIPA) untuk PPPT gred lantikan DH 41 dan DH 43 -Program Peningkatan Kemahiran (PPK) <i>Career Path Competency Matrix (CPCM)</i> <p>ii. Kriteria Elektif</p> <ul style="list-style-type: none"> -Keanggotaan badan profesional -Kelayakan tambahan (Sijil Profesional/ Sijil kemahiran dll) -Sarjana/ Doktor Falsafah
(d) Sumbangan	<ul style="list-style-type: none"> i. Sumbangan / perkhidmatan kepada institusi/ Jabatan/ Kementerian (berlainan daripada LNPT dan skop Teras Utama) ii. Sumbangan / perkhidmatan kepada komuniti setempat /agensi luar / negara (berlainan daripada LNPT dan skop Teras Utama)

Jadual 3: Aspek Penilaian Panel Kesepakatan Kategori III

PANEL KESEPAKARAN KATEGORI IV	
(a) Teras Utama	<ul style="list-style-type: none"> i. Pembinaan dasar (pengoperasian) ii. Pengurusan organisasi, jaringan dan kolaborasi iii. Penyelidikan/ Kajian dan penulisan
(b) Kepimpinan	<ul style="list-style-type: none"> i. Kepimpinan dan pengurusan Unit/ Bahagian/ Penyelarasan peringkat KPT ii. Pemantauan pencapaian pegawai dan staf sokongan iii. Tugas <i>coaching</i> dan <i>mentoring</i> iv. Keperibadian
(c) Pembangunan Diri	<p>i. Kriteria Wajib</p> <ul style="list-style-type: none"> -Kursus Instruksional dan Kepimpinan Andragogi (KIPA) untuk PPPT gred lantikan DH 41/43/ 47/ 51/ 53 -Program Peningkatan Kemahiran (PPK) -<i>Career Path Competency Matrix (CPCM)</i> <p>ii. Kriteria Elektif</p> <ul style="list-style-type: none"> -Keanggotaan badan profesional -Kelayakan tambahan (Sijil Profesional/ Sijil kemahiran dll) -Sarjana/ Doktor Falsafah
(d) Sumbangan	<ul style="list-style-type: none"> i. Sumbangan / perkhidmatan kepada institusi/ Jabatan/ Kementerian (berlainan daripada LNPT dan skop Teras Utama) ii. Sumbangan / perkhidmatan kepada komuniti setempat /agensi luar / negara (berlainan dari pada LNPT dan skop Teras Utama)

Jadual 4: Aspek Penilaian Panel Kesepakatan Kategori IV

Taburan markah keseluruhan kriteria kecemerlangan mengikut kategori dan gred jawatan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.

**RAJAH 4: TABURAN MARKAH KESELURUHAN KRITERIA KECEMERLANGAN SKIM PERKHIDMATAN PPT
MENGIKUT KATEGORI & GRED JAWATAN**

PENILAIAN KESEPAKARAN																	
BIL	GRED JAWATAN	KATEGORI I (80%)				KATEGORI II (80%)				KATEGORI III (85%)			KATEGORI IV (85%)				
		TERAS	PIMPIN	SUMBANG	P.DIRI	TERAS	PIMPIN	SUMBANG	P.DIRI	TERAS	PIMPIN	SUMBANG	P.DIRI	TERAS	PIMPIN	SUMBANG	P.DIRI
1	29 ke 32	75	5	10	10	[Blue shaded]											
2	31/32 ke 34	70	10	10	10	[Blue shaded]											
3	29/31/32/33/34 ke 42	MEMPEROLEHI LAJAZH SARJANA MUDA				[Blue shaded]											
4	41/42 ke 44	65	15	10	10	[Blue shaded]											
5	43/44 ke 48	60	20	10	10	60	20	10	10	60	20	10	10	60	20	10	10
6	47/48 ke 52	55	25	10	10	55	25	10	10	[Blue shaded]				55	25	10	10
7	51/52 ke 54	50	30	10	10	50	30	10	10	[Blue shaded]				50	30	10	10
PENILAIAN PELAJAR (5%)																	
8	SEMUA GRED	KATEGORI I (5%)				KATEGORI II (5%)				TIDAK BERKAITAN							
PENILAIAN REFEREES (15%)																	
9	SEMUA GRED	KATEGORI I (15%)				KATEGORI II (15%)				KATEGORI III (15%)			KATEGORI IV (15%)				

Merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil 33/2007, tiada jawatan PPT di kategori dan gred ini.

Pada umumnya, kenaikan pangkat pegawai PPPT tidak berasaskan kekosongan jawatan tetapi berdasarkan permohonan.

Justeru, semua pegawai PPPT layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan yang lebih tinggi dalam skim perkhidmatan setelah memenuhi syarat-syarat berikut:

- (a) Syarat-syarat umum :
 - i. Telah disahkan dalam perkhidmatan,
 - ii. Mencapai markah purata Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) yang ditetapkan,
 - iii. Lulus semua Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) yang ditetapkan,
 - iv. Bebas daripada hukuman tatatertib,
 - v. Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM).

- (b) Syarat-syarat khusus :
 - i. Mencapai tahap minimum **kriteria kecemerlangan** perkhidmatan yang ditetapkan, dan
 - ii. Diperakukan oleh Ketua Perkhidmatan.

5.1 Proses Dan Prosedur Permohonan Kenaikan Pangkat

Pelawaan untuk memohon kenaikan pangkat akan dilakukan melalui edaran surat siaran secara media cetak dan media elektronik.

Pegawai dikehendaki mengemukakan permohonan mengikut format yang disediakan. Setiap permohonan yang memenuhi syarat-syarat hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing.

Tanggungjawab Ketua Jabatan ialah menyemak, menyokong dan mengesah permohonan pegawai sebelum memanjangkan permohonan tersebut kepada Urusetia Kenaikan Pangkat di peringkat Kementerian.

Urusetia Kenaikan Pangkat akan menapis semua permohonan bagi memastikan syarat-syarat dipatuhi. Setiap permohonan perlulah mempunyai dokumen sokongan yang lengkap dan disahkan untuk layak dipertimbang ke proses selanjutnya.

Proses berikutnya melibatkan pengesahan pematuhan kepada kriteria kecemerlangan. Tugas ini didokong oleh sekumpulan pegawai yang dinamakan ahli Panel Penilai Kesepakatan.

Antara tugas ahli Panel Penilai Kesepakatan ialah :

- (a) menilai kualiti hasil kerja calon berdasarkan garis panduan yang ditetapkan,
- (b) mencerap/membuat validasi/ menemuduga calon di tempat bertugas,
- (c) mengemukakan laporan penilaian, dan
- (d) mencadangkan calon-calon yang sesuai untuk dipertimbangkan.

Segala aktiviti dan pengurusan proses semakan dokumentasi calon sehingga selesai langkah pencerapan, validasi dan temuduga (yang mana berkaitan dengan calon) akan diurusetiaikan oleh Sekretariat Penilai Kesepakatan.


Antara tugas utama Sekretariat Penilai Kesepakatan ialah:

- (a) menyemak kesahihan dokumen Sumbangan dan Pembangunan Diri yang dikemukakan oleh calon,
- (b) mengklasifikasi permohonan mengikut kategori, gred dan bidang pengkhususan, dan
- (c) mengurus aktiviti pencerapan, validasi dan temuduga yang perlu dijalankan oleh ahli Panel Penilai Kesepakatan .

Pemilihan ahli Panel Penilai Kesepakatan dan Sekretariat Penilai Kesepakatan dibuat oleh Jawatankuasa Penilai Kesepakatan yang diketuai oleh Ketua Perkhidmatan. Jawatankuasa Penilai Kesepakatan; jika perlu, boleh melantik ahli Panel Penilai Kesepakatan Luar, seperti ahli badan profesional yang mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang pengkhususan. Tugas ahli Panel Penilai Kesepakatan Luar menyamai tugas ahli Panel Penilai Kesepakatan yang lain iaitu bagi membantu menilai kesesuaian calon-calon dalam urusan kenaikan pangkat.

Carta alir 1 menunjukkan beberapa langkah yang perlu dilalui dalam proses kenaikan pangkat.

CARTA ALIR 1: PROSES KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI



5.2 Kenaikan Pangkat Bagi Pegawai-Pegawai Kumpulan Sokongan (DH29 Hingga DH34)

5.2.1 Menyambung Pengajian Ke Peringkat Ijazah

Skim Perkhidmatan PPPT telah memperuntukkan pegawai-pegawai dalam kumpulan sokongan Gred DH29, DH31/32, DH33/34 yang memperoleh ijazah semasa sedang berkhidmat dan memenuhi **syarat-syarat lain** yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan layak dinaikkan pangkat ke Gred DH42 tanpa kekosongan jawatan.

Sehubungan itu, pegawai-pegawai yang ingin menyambung pengajian **tidak terkecuali** daripada memenuhi semua aspek kriteria kecemerlangan. Pegawai yang ingin menyambung pengajian secara **sepenuh masa** disaran mengumpul kriteria kecemerlangan sebelum memulakan cuti belajar. Manakala, bagi pegawai yang menyambung pengajian **secara sambilan**; mereka mempunyai cukup masa dan peluang untuk mengumpul kriteria kecemerlangan dan mematuhi peraturan yang berkuat kuasa semasa membuat permohonan kenaikan pangkat.

5.2.2 Tidak menyambung pengajian

Kenaikan pangkat bagi pegawai-pegawai dalam Kumpulan Sokongan dari Gred DH29 ke DH32, dan Gred DH31/32 ke Gred DH34 adalah **tanpa kekosongan jawatan** tetapi mereka perlu memenuhi kriteria kecemerlangan.

5.3 Kenaikan Pangkat Bagi Pegawai Kumpulan Pengurusan Dan Profesional Yang Mengikuti Program Pasca Siswazah

Pegawai yang menyambung pengajian sama ada di dalam negara mahupun di luar negara **tidak terkecuali** daripada memenuhi semua aspek kriteria kecemerlangan. Pegawai yang ingin menyambung pengajian secara **sepenuh masa** disaran mengumpul kriteria kecemerlangan sebelum memulakan cuti belajar.

Manakala, bagi pegawai yang menyambung pengajian **secara sambilan**; mereka mempunyai cukup masa dan peluang untuk mengumpul kriteria kecemerlangan dan mematuhi peraturan yang berkuat kuasa semasa membuat permohonan kenaikan pangkat.

5.4 Kenaikan Pangkat Bagi Pegawai Yang Sedang Berkhidmat Di Seberang Laut

Sehingga kini Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi mempunyai 14 buah pejabat Jabatan Penuntut Malaysia dan 4 buah pejabat Promosi Pendidikan di luar negara. Beberapa orang pegawai Skim PPPT berkhidmat sebagai Pengarah, Atase Pendidikan, Pegawai Promosi dan Warden di pejabat-pejabat tersebut.

Pegawai dalam kedudukan ini juga **tidak terkecuali** daripada memenuhi semua aspek kriteria kecemerlangan termasuklah menghadiri **kursus wajib** dalam aspek Pembangunan Diri. Sehubungan itu, elaun dan tanggungan pegawai untuk kembali ke tanah air bagi menghadiri kursus-kursus tersebut wajar dituntut daripada pejabat masing-masing berdasarkan pekeliling dan peraturan yang sedang berkuat kuasa.

Walau bagaimanapun, pegawai dalam kedudukan ini juga boleh memilih untuk menghadiri "kursus yang setara" di tempat mereka bertugas dengan syarat:

- (a) Mendapat kebenaran dan kelulusan bertulis untuk menghadiri kursus tersebut daripada Bahagian Latihan dan Pembangunan Kerjaya, dan
- (b) "Kursus yang setara" mempunyai persamaan isi kandungan melebihi peratus (70%) kursus yang tersenarai sebagai kursus wajib gred pegawai berkenaan bagi aspek Pembangunan Diri.

5.5 Kenaikan Pangkat Bagi Pegawai Yang Sedang Berkhidmat Di Jawatan Terbuka

Pegawai Skim PPPT yang sedang mengisi jawatan terbuka di institusi jabatan dan bahagian-bahagian di kementerian dan agensi luar secara pinjaman atau kontrak juga layak memohon kenaikan pangkat berdasarkan tugas dan tanggungjawab semasa. Kriteria kecemerlangan dan unsur penilaian hendaklah dipadankan dengan gred dan kategori yang paling hampir dengan jawatan terbuka pegawai berkenaan.

06


PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN KENAIKAN PANGKAT

Keputusan kenaikan pangkat oleh Lembaga Kenaikan Pangkat adalah **MUKTAMAD**. Keputusan mengenainya akan dimaklumkan kepada calon melalui Urusetia Kenaikan Pangkat sebaik sahaja maklumat berkaitan diterima daripada Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran.

07

PENUTUP

Buku garis panduan ini mengemukakan pemakaian kriteria kecemerlangan dan wajaran pemarkahan bagi pegawai-pegawai yang bernaung di bawah Skim Perkhidmatan PPPT seperti mana yang telah diluluskan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran melalui mesyuaratnya Bilangan 9 Tahun 2009 pada 19 Oktober 2009.



SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran 1 - Unsur Penilaian Kategori I,II,III dan IV
- Lampiran 2 - Senarai Perjawatan Dalam Skim PPPT
- Lampiran 3 - Glosari Terminologi Dan Istilah
- Lampiran 4 - Borang SPD - Borang Sumbangan Dan Pembangunan
- Lampiran 5 - Borang Pelaksanaan *Coaching* Dan *Mentoring*

